

D437

U B987 AAB  
PERNYATAAN - TEMPAT

I

KUALA LUMPUR, 3 JUN (BERNAMA) -- SIDANG KEMUNCAK KEDUA KUMPULAN PERUNDINGAN DAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN (G-15) AKAN DIADAKAN DI CARACAS, VENEZUELA PADA TAHUN DEPAN.

KESEMUA PEMIMPIN TELAH MENERIMA JEMPUTAN PRESIDEN VENEZUELA, CARLOS ANDREZ PEREZ UNTUK MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU, KATA MEREKA PADA PERNYATAAN YANG DIKELUARKAN DI SINI HARI INI PADA AKHIR SIDANG KEMUNCAK PERTAMA.

PERDANA MENTERI MALAYSIA, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, TARIKH SIDANG KEMUNCAK ITU AKAN DITETAPKAN KELAK.

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA PARA PEMIMPIN TELAH BERSETUJU MENGADAKAN SIDANG KEMUNCAK G-15 SEBAGAI ACARA TAHUNAN.

KETIKA BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR BERSAMA DENGAN 14 PEMIMPIN LAIN, BELIAU JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA KUMPULAN ITU TELAH MEWUJUDKAN JAWATANKUASA PEMANDU YANG TERDIRI DARIPADA MENTERI-MENTERI LUAR MALAYSIA, SENEGAL DAN VENEZUELA UNTUK MENYEDIAKAN MEKANISME SOKONGAN ANTARA TEMPOH SIDANG KEMUNCAK INI DAN SIDANG KEMUNCAK TAHUN DEPAN. -- LAGI.

1928MST 03 06 90

D439

U B988 AAB  
PERNYATAAN - TEMPAT 2 KUALA LUMPUR

+PARA PEMIMPIN BERSETUJU SEBULAT SUARA BAHAWA JAWATANKUASA PEMANDU ITU DIHADKAN KEPADA TIGA MENTERI LUAR DAN BAHAWA IA SENTIASA BERHUBUNG DALAM TEMPOH ITU,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG BERTINDAK SEBAGAI JURUCAKAP KUMPULAN ITU, BERKATA, JAWATANKUASA PEMANDU ITU AKAN DIBANTU DENGAN JUMLAH TENAGA PEKERJA YANG KECIL.

+JAWATANKUASA PEMANDU ITU BOLEH BERTEMU DI VENEZUELA ATAU DI TEMPAT LAIN DAN MEREKA BOLEH MEMUTUSKAN TEMPAT UNTUK MELETAKKAN PEKERJA TETAP G-15 KEMUDIAN. IA MERUPAKAN MASALAH KECIL DAN JAWATANKUASA ITU BOLEH MENYELESAIKANNYA KEMUDIAN,+ KATANYA KETIKA DITANYA MENGENAI BUTIRAN TERPERINCI MENGENAI PENTADBIRAN SEKRETARIAT.

KETIKA DITANYA BAGAIMANA PEMIMPIN LAIN MAHU BERHUBUNG DENGAN G-15 SEKIRANYA TIDAK ADA ALAMAT POS, BELIAU BERKATA, MEREKA AKAN TAHU DI MANA UNTUK BERHUBUNG DENGAN KUMPULAN ITU.

+DUNIA INI KAN KECIL,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1937MST 03 06 90